

 (/) > BERITA (/BERITA) » Seramai 7,700 pelajar UPM kembali semula ke kampus

[Senarai Berita \(/berita\)](#)

Seramai 7,700 pelajar UPM kembali semula ke kampus

Oleh: Noor Eszreen Juferi

Foto oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 4 Mac – Seramai 6,500 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dijangka kembali semula ke kampus Serdang dan 1,200 pelajar di kampus Bintulu, Sarawak bagi mengikuti pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara hybrid bermula 1 Mac 2021.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar & Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu berkata pengurusan kemasukan pelajar ke kolej kediaman mengikut zon, tarikh dan sesi bermula 4 Mac 2021 hingga 31 Mac 2021.

"Pelajar diwajibkan mengisi borang soal selidik Permohonan Memasuki Ke Kolej Kediaman UPM Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Pelajar menerusi pautan: <https://forms.gle/b3QfZyVX6nxCryBT9> sebelum tarikh kemasukan ke kolej kediaman," katanya.

Pelajar turut diwajibkan membuat Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 UPM melalui alamat url: <https://ertcovid19.upm.edu.my> pada hari kemasukan ke kolej kediaman dengan mengemukakan paparan keputusan saringan itu kepada pihak keselamatan.

"Penilaian Risiko Jangkitan COVID-19 UPM ini juga wajib diisi oleh pelajar pada setiap hari sepanjang tempoh berada kolej kediaman. Antara langkah diambil bagi memastikan pelajar ini sihat ialah menempatkan pelajar sihat bagi proses pemantauan di satu bilik yang menempatkan satu atau dua orang pelajar, manakala pelajar yang kurang sihat akan terus dirujuk ke Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk pemantauan dan penjagaan," katanya.



BVMPJGw:09:06

LIHAT JUGA



MyAgeing! anjur forum nasional tingkat kesedaran vaksinasi warga emas (/berita /myageing_anjur_forum_nasional_tingkat_kesedaran_vaksinasi_warga_emas-61242)



UPM fokus lima strategi utama perkukuh hasrat sebagai menara ilmu disegani (/berita /upm_fokus_lima_strategi_utama_perkukuh_hasrat_sebagai_menara_ilmu_disegani-61241)



Program UPM Alumni Golden Fit (/berita /program_upm_alumni_golden_fit-61239)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

↳ +603-9769 1000

✉ ---

✉ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)



BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

Sementara itu, pelajar menyambut baik kaedah pendaftaran dengan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dan gembira untuk kembali ke kampus setelah satu semester menjalani pengajian secara talian.

Pelajar Bacelor Sains Pengurusan Perladangan, Fakulti Pertanian, Mohamad Fahimi Abdullah berkata proses pendaftaran kemasukan beliau berjalan lancar serta mudah kerana dibantu oleh petugas.

"Ini adalah kali pertama saya datang ke kampus UPM Serdang dan saya bersedia untuk menghadapi pembelajaran secara norma baharu di dalam kampus," katanya.

Beliau yang sebelum ini pelajar di UPM Kampus Bintulu berharap pensyarah dapat menjalankan pengajaran lapangan mengikut SOP yang ditetapkan.

"Sebagai pelajar dalam bidang pengurusan perladangan saya merasakan perlu adanya latihan praktikal di ladang untuk mengukuhkan kefahaman bagi memahami dengan lebih baik secara *hands on*," katanya.

Pelajar Bacelor Sains Akuakultur, Fakulti Pertanian, Azlin Syafini Salleh berkata beliau teruja kembali ke kampus setelah semester menjalankan pengajian beliau secara talian.

"Saya akui pengajaran norma baharu ini agak mencabar, saya teruja untuk berjumpa dengan rakan-rakan sekuliah secara bersemuka untuk mengulang kaji bersama-sama," katanya.

Pada kemasukan pelajar kali ini, ibu bapa pelajar hanya dibenarkan untuk *drop off* anak di kolej kediaman yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Seorang bapa, Nor Johan Mohd Yunus berkata kaedah pendaftaran pelajar yang dijalankan secara norma baharu adalah baik dan beliau berpuas hati dengan petugas yang memberi arahan yang mudah untuk diikuti.

"Masyarakat harus menerima norma baharu kehidupan dan kita perlu ikut SOP untuk keselamatan anak-anak serta orang sekeliling. Harapan saya agar anak saya mengikuti SOP yang ditetapkan di universiti dan berjaya dalam pengajian beliau," katanya.

Seorang ibu, Noorma Sidik berkata beliau menerima dengan positif peraturan SOP yang ditetapkan oleh universiti, dan gembira anak beliau dapat kembali menyambung pengajian di kampus.

"Saya bersyukur anak saya dapat kembali ke kampus kerana saya lihat bukan mudah untuk beliau menjalani pengajian secara talian kerana capaian internet di kampung ada kalanya tidak memuaskan," katanya. - UPM

Tarikh Input: 14/04/2021 | Kemaskini: 14/04/2021 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fseramai_7700_pelajar_upm_kembali_semula_ke_kampus-61220&title=Seramai%207%2C700%20Pelajar%20UPM%20Kembali%20Semula%20Ke%20Kampus%20%20%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
 (/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)
 (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000



marketing@upm.edu.my

ITALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN
UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769
7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://busar.upm.edu.my/sph/>)
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SiSMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/>?action=method=home)
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)
 Sistem Baik Pilih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)
 Sistem E-Claire (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)
 i-GIMS (pelajar pascaasiswa wahazah) (<http://ssgsportal.upm.edu.my:8080/ssgsportal/>)
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/>)
 /smp/action/security/loginSmpSetup/

PAUTAN LUAR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (<http://www.moe.gov.my/>)
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my/>)
 Multimedia Super Corridor (<https://mdec.my/msc-malaysia/>)
 Portal myGovernment (<https://www.malaysiasia.gov.my/en/home>)
 Agensi Kekayuhan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/statistik>)
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)
 Laporan Program Pelanggaran (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/moklumat_korporat/pelanggaran_b202)
 Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dosor_universiti-5601)
 Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wozan.upm.edu.my/>)
 Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/penerbitan_UPM-29859)
 Tokiwim UPM 2020 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20200218095115TAKWIM_UPM_2020-2.pdf)
 UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm>)



PUTRA GROUP

(<http://putra.upm.edu.my>)



PORTAL UPM

(<http://portal.upm.edu.my>)



PERTANICA IR

(<http://www.pertanika.upm.edu.my>)



LEARNING HUB

(<http://www.learninghub.upm.edu.my>)



UPM IR

(<http://www.psos.upm.edu.my/>)



STUDENT SMP

(<https://smp.upm.edu.my/>)



JGIMS STUDENT

(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)



e-CLAIM

(<http://eclaims.upm.edu.my/>)



e-ISO

(<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)



EMAIL UPM

(<http://email.upm.edu.my>)

Dasar Privasi ([/footnote/dasar_privasi-29949](#)) Hakcipta ([/footnote/hakcipta-29950](#)) RSS ([/rss](#))
Penafian ([/footnote/penafian-29938](#)) Bantuan ([/footnote/bantuan-29937](#))
UPM online ([/footnote/upm_online-38695](#)) Dasar Keselamatan ([/footnote/dasar_keselamatan-29939](#))

© 2021 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL

[HANTAR](#)

BM

[Entiti Kami](#)

[Dokumen](#)

[Newsletter](#)

[Tetapan](#)